



**FACULTY OF LIBERAL ARTS**

**FINAL EXAMINATION**

Student ID (in Figures) : 

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) : \_\_\_\_\_

Subject Code & Name : **MPU3142 BAHASA MELAYU KOMUNIKASI 2**  
 Semester & Year : May - August 2017  
 Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain  
 Duration : 2 Hours

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

1. This question paper consists of 2 parts:
  - PART A (30 marks) : 30 multiple choice questions. Answers are to be shaded in the Multiple Choice Answer Sheet provided.
  - PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Pemahaman Teks  
SOALAN 2 – Tatabahasa  
SOALAN 3 - Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

**WARNING:** The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College of Hospitality regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College of Hospitality.

**Total Number of pages = 12 (Including the cover page)**

**BAHAGIAN B : SOALAN SUBJEKTIF (70 MARKAH)**  
**ARAHAN : Jawab semua soalan di bawah ini.**

---

**SOALAN 1 – PEMAHAMAN TEKS (20 MARKAH)**

**Petikan (i)**

*Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Cuti semester baru sahaja bermula. Ayah dan ibu Adam datang ke Malaysia. Mereka dari Indonesia. Ini kali pertama mereka di Malaysia. Adam belajar di Universiti Kebangsaan Malaysia. Adam sungguh gembira apabila ayah dan ibunya tiba di Malaysia. Adam membawa ayah dan ibunya melawat Malaysia. Antara tempat yang dikunjungi oleh mereka ialah Melaka dan Port Dickson. Ayah Adam sangat suka berada di Melaka kerana Melaka ialah negeri bersejarah. Ada pelbagai cerita sejarah di Melaka seperti di kota A.Famosa, muzium Baba dan Nyonya dan muzium kapal selam. Ibu Adam pula suka pergi ke Port Dickson kerana dia suka pantai. Di Port Dickson, mereka sekeluarga bermain bot laju, menyelam ke dasar laut dan bermain bola tampar pantai. Ayah dan ibu Adam menghabiskan masa di Malaysia selama seminggu. Mereka pulang ke Indonesia dengan menaiki kapal terbang.

1. Berapa lamakah ibu bapa Adam berada di Malaysia **(2 markah)**
2. Apakah tempat menarik yang dikunjungi oleh mereka sekeluarga di Melaka? **(3 markah)**
3. Apakah aktiviti yang dilakukan oleh mereka sekeluarga di Port Dickson? **(3 markah)**
4. Bagaimanakah ibu bapa Adam pulang ke Indonesia? **(2 markah)**

**Petikan (ii)**

*Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.*

Ronny pergi ke pejabat pos di Bangi. Dia pergi ke pejabat pos untuk menghantar bungkusan ke negaranya. Selepas mengambil nombor giliran, dia pergi ke kaunter.

Ronny : Selamat pagi, encik.  
Kerani pos : Selamat pagi. Boleh saya bantu?  
Ronny : Saya ingin menghantar bungkusan ini ke Bangladesh.  
Kerani pos : Encik mahu menghantar bungkusan itu secara pos laju atau bungkusan berdaftar?  
Ronny : Saya ingin menghantar bungkusan ini secara pos laju.  
Kerani pos : Kalau begitu, sila isi borang ini. Kemudian, tandatangan di sini.  
Ronny : Baiklah. Berapakah bayaran bagi bungkusan ini?  
Kerani pos : Bayaran bagi bungkusan ini ialah RM28.00 termasuk harga bagi pos laju.  
Ronny : Nah, RM50.00. Selain itu, saya juga mahu membuat kiriman wang pos. Bagaimanakah caranya?  
Kerani pos : Berapakah jumlah kiriman yang encik mahu buat?  
Ronny : Tiga ratus ringgit sahaja.  
Kerani pos : Kalau begitu, isi borang ini dan beri saya wang RM300.

1. Apakah jantina kerani pos? **(2 markah)**
2. Berapakah baki wang Ronny untuk bungkusan secara pos laju **(2 markah)**
3. Apakah dua cara untuk menghantar bungkusan ke Bangladesh? **(4 markah)**
4. Berapakah jumlah kiriman yang dibuat oleh Ronny? **(2 markah)**

**SOALAN 2 – TATABAHASA (30 MARKAH)**

**a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini :**

- I. beg
- II. baju
- III. kasut
- IV. wang
- V. seluar

**(10 markah)**

**(b) Terjemahkan ayat-ayat yang berikut ke dalam bahasa Melayu.**

- I. What is your address?
- II. What color is this?
- III. When is Mother's Day?
- IV. Which one is your sister?
- V. Why do you like chicken rice?
- VI. How do you come here?
- VII. What is your dog's name?
- VIII. Where are you studying?
- IX. Who is your best friend?
- X. Why are you crying?

**(20 markah)**

**SOALAN 3 : KARANGAN (20 MARKAH)**

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 100 patah perkataan**.

1. Tuliskan mengenai binatang kesayangan kamu.

**ATAU**

2. Tuliskan sebuah cerita yang bertajuk 'guru saya'.

**(20 markah)**

**TAMAT**